

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 11 DISEMBER 2008, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 75

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1213-L14830
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah usaha yang diambil untuk mengurus secara sepadu ilmu yang ada di Muzium, Arkib dan Perpustakaan supaya sentiasa ada maklumat untuk orang awam sejajar dengan amalan dan kepercayaan kebebasan maklumat, selaras dengan Pelan Integriti Nasional.
2. PR-1213-L15822
Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-
 - (a) berapakah kos pembinaan MRSM Merbok; dan
 - (b) adakah pembinaan ini mengikut amalan biasa di mana semua pelan mesti diluluskan dahulu oleh pihak Majlis Perbendaharaan Sungai Petani sebelum pembinaan bermula.
3. PR-1213-L15695
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Khazanah Nasional Berhad mempunyai polisi dividen dalam pembayaran dividen kepada Kerajaan dan jika ada, berapakah jumlahnya.
4. PR-1213-L15404
Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah projek Balai Polis Pendang yang dibuat dengan cara cross subsidy bersama Balai Polis Yan dan IPD Sungai Petani akan di teruskan, apakah status projek itu sekarang, hukuman kepada syarikat terbabit.

5. PR-1213-L14687
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha dan perancangan bagi memastikan masa depan Projek Zon Bebas Pelabuhan Klang dapat terus berdaya saing dengan pelabuhan-pelabuhan ternama di dunia dan menjadi hub pelabuhan terbaik antarabangsa.
6. PR-1213-L15601
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan senarai terperinci aset, ekuiti dan hartanah Kerajaan Malaysia di luar negara mengikut harga semasa ia diperolehi, harga pasaran sekarang, kaedah lain ia diperolehi sekiranya bukan melalui pasaran terbuka, tujuannya dan alasan-alasan mengapa ia masih wajar terus dipegang.
7. PR-1213-L15294
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil semua graduan bidang perubatan luar negara sebagai langkah bagi mengatasi kekurangan pegawai perubatan di hospital Kerajaan dan memberi tajaan biasiswa penuh kepada semua rakyat tanpa mengira kaum yang ingin menuntut pengajian perubatan di luar negara; dan
 - (b) nyatakan bilangan penuntut perubatan tajaan biasiswa di luar negara mengikut kaum.
8. PR-1213-L14821
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelabur yang telah dan akan melabur di Malaysia khususnya ke Kedah sepanjang RMK-9 bagi tahun 2006 hingga 2010.
9. PR-1213-L16166
Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
 - (a) apakah perbuatan menggunakan lain-lain bahasa selain daripada bahasa kebangsaan pada papan tanda jalan dan sebagainya tidak menyalahi dasar, aturan dan peraturan sedia ada; dan
 - (b) sekiranya ia merupakan kesalahan, apakah tindakan yang boleh diambil terhadap pihak yang terbabit.

10. PR-1213-L15806
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) sama ada barangan makanan import yang perlu disaring, telah pun disaring untuk mengesan radiasi dan dilabelkan seperti yang perlakuan ke atas bahan-bahan makanan eksport ke luar negara; dan
 - (b) dari manakah asal dan apakah bahan-bahan makanan yang telah ditolak kemasukannya ke Malaysia kerana dikesan mengandungi radiasi.
11. PR-1213-L14761
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai anak tempatan Sarawak Bumiputera dan bukan Bumiputera yang menerima biasiswa daripada Kerajaan dan GLC Kerajaan untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara contohnya biasiswa JPA, Petronas dan MARA.
12. PR-1213-L15182
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah status siasatan kes penganjuran piala CYC sekarang. Jelaskan bentuk siasatan berhubung isu itu setakat ini. Apakah langkah yang diambil untuk mengelakkan pembaziran wang rakyat dan peristiwa ini tidak berulang lagi.
13. PR-1213-L16353
Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah sebabnya terdapat banyak kes-kes di mana pelajar-pelajar STPM yang berjaya mendapat 4A (straight As) hanya diberi pilihan yang kelapan dalam senarai kursus dan / atau IPTA mereka padahal mereka patut diberi pilihan-pilihan mereka yang diutamakan.
14. PR-1213-L15316
Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan definisi apakah yang dimaksudkan dengan fakir miskin dan miskin:-
- (a) golongan mana yang berhak untuk menerima bantuan dan berapa banyak wang yang telah diperuntukkan untuk mereka; dan
 - (b) apakah prosedur dan cara-cara untuk mendapatkan bantuan untuk mereka.

15. PR-1213-L15947
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sudah Kerajaan menilai kesan-kesan terhadap pasaran saham tempatan akibat pengenalan cukai 'windfall' ke atas IPP memandangkan syarikat-syarikat IPP mewakili 20 peratus daripada keseluruhan pasaran saham Malaysia.
16. PR-1213-L15014
Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kerajaan sedar dengan adanya pasaraya-pasaraya mega akan menjejaskan peniaga kecil terutamanya kaum Bumiputera dan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengatasinya.
17. PR-1213-L15237
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengkaji gaji minimum RM1500 kepada semua pekerja termasuk pekerja asing.
18. PR-1213-L15473
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan proses penyaluran dana untuk program Rakan Muda setakat ini dan pihak-pihak yang menerima penyaluran dana tersebut serta keberkesanannya.
19. PR-1213-L15269
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Petronas telah menubuhkan satu tabung yang dinamakan 'Petroleum Cess Fund'. Jika ada, apakah tujuan tabung ini.
20. PR-1213-L15044
Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah betul perjanjian yang membenarkan dibina rumah api di Pulau Pisang tahun 1900 tidak menyebut dibolehkan dibina jeti dan stor. Mengapa Singapura dibenarkan membinanya dan apakah status terkini rundingan untuk mengambil alih rumah api itu oleh Kerajaan Malaysia.
21. PR-1213-L14998
Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah bentuk bantuan dan program yang akan dilaksanakan untuk membantu meningkatkan industri pelancongan di Pulau Pinang.
22. PR-1213-L16318
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) sila perincikan hak pemilikan tanah di Iskandar Malaysia dari segi pemilikan hak asing (Singapura, Arab dan lain-lain) dan rakyat tempatan khususnya orang Melayu; dan

- (b) berapakah jumlah tanah rizab Melayu yang bertukar status dan apa langkah diambil untuk penggantian semula tanah-tanah tersebut.
23. PR-1213-L15663
Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan sejak Kerajaan tidak membenarkan kursus, seminar dan bengkel diadakan di hotel-hotel atau luar kawasan, apakah kesannya terhadap hotel-hotel di Langkawi, Labuan, Pangkor dan lain-lain kawasan yang kebanyakannya bergantung kepada pelancongan sedemikian. Adakah kelonggaran harus diberi bagi memastikan pertumbuhan sektor pelancongan terus terjaga.
24. PR-1213-L15016
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semenjak pengumuman pembaharuan dan memperkasakan BPR, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menterjemahkan komitmen Kerajaan setakat ini.
25. PR-1213-L15774
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah graduan IPTA bukan Bumiputera yang diterima berkhidmat dengan perkhidmatan awam sejak tahun 2004. Sila beri pecahan mengikut kaum graduan IPTA yang berkhidmat dengan perkhidmatan awam bagi setiap tahun sepanjang tahun 2004-2008.
26. PR-1213-L15629
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah Kerajaan memantau dan mengawal pelepasan gas Cloroflora Carbon (CFC) terutamanya R22 yang digunakan secara meluas di dalam negara melalui industri penghawa dingin, di mana didapati gas ini memberi kesan kemusnahan terhadap lapisan ozon; dan
- (b) apakah rancangan Kerajaan untuk mengurangkan penggunaan gas ini, selari dengan Montreal Protocol yang ditandatangani banyak negara-negara luar.
27. PR-1213-L16070
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan sedar bahawa lampu-lampu di Kompleks Mahkamah Jalan Duta dibiarkan menyala sepanjang malam. Bolehkah pihak Kerajaan memaklumkan kepada Dewan tentang jumlah perbelanjaan bil elektrik mahkamah tersebut sejak ia dibuka.

28. PR-1213-L16273
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) bilakah Kerajaan akan memindahkan Tapak Pembuangan dan Pelupusan Sampah Bukit Palong, Negeri Sembilan; dan
 - (b) bilakah peruntukan berkenaan akan diturunkan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya dilaksanakan sebagai antara projek yang tersenarai di bawah Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9).
29. PR-1213-L14797
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah rancangan yang akan dijalankan Kementerian untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam di Sabah, terutamanya di Tawau, supaya dapat menyediakan pengangkutan awam berkesan dengan tambang yang mampu dibayar golongan miskin.
30. PR-1213-L14806
Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan bangunan-bangunan sekolah yang disahkan tidak selamat diduduki oleh JKR di kawasan Parlimen Serian dan langkah-langkah yang diambil untuk membaiki keadaan.
31. PR-1213-L15500
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah tempoh masa yang diperlukan bagi Kerajaan merealisasikan penubuhan Suruhanjaya Kehakiman dan Suruhanjaya Badan Pencegah Rasuah.
32. PR-1213-L16341
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sebab-sebab Kementerian tidak mengambil tindakan yang segera untuk meningkatkan kualiti sistem pengangkutan awam di Malaysia memandangkan masalah peningkatan petrol adalah berterusan sejak negara kita di bawah pentadbiran YAB Perdana Menteri.
33. PR-1213-L15260
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan selain penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Hakim yang masih tertakluk kepada nasihat eksekutif dan cadangan lembaga penasihat pencegah rasuah yang juga masih tertakluk kepada nasihat eksekutif, apa jaminan tidak berlaku kekecewaan sekali lagi kepada rakyat selepas mereka kecewa dengan janji Perdana Menteri mengenai pendekatan lebih berkesan menangani rasuah pada tahun 2003 yang lalu.

34. PR-1213-L16139
Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian akan membekalkan lembu-lembu baka dan pejantan kepada golongan miskin tegar dan miskin untuk menambah pendapatan di samping memenuhi tuntutan keperluan-keperluan pemakanan negara.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Pengangkutan**

- * Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2008.

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat pada mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 12/2008) Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2008 – **Menyambung semula Perbahasan atas Masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang** (10 Disember 2008)

(Menteri Pengajian Tinggi) “
2. (D.R. 14/2008) Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008. **Bacaan Kali Yang Kedua**

(Menteri Pengajian Tinggi)
3. (D.R. 15/2008) Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008. “

(Menteri Pertahanan)
4. (D.R. 19/2008) Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008. “

(Menteri Kewangan)
5. (D.R. 21/2008) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008 “

(Perdana Menteri)
6. (D.R. 27/2008) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2008 “

(Perdana Menteri)
7. (D.R. 22/2008) Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) (No.2) 2008. “

(Perdana Menteri)
8. (D.R. 23/2008) Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) (No.2) 2008. “

(Perdana Menteri)
9. (D.R. 24/2008) Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2008. “

(Perdana Menteri)

10. (D.R. 25/2008) Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No.2) 2008. “
(Perdana Menteri)
11. (D.R. 18/2008) Rang Undang-undang Orang-Orang Papa (Pindaan) 2008 “
(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)
12. (D.R. 20/2008) Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008 “
(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)

13. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

“ Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh Subseksyen (1), Seksyen 11 Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas Statut bil. ST. 96, ST. 97, ST. 146 dan ST. 147 tahun 2008 disahkan. “

14. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

“ Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh Subseksyen (1), Seksyen 6 Akta Eksais 1976 supaya Perintah Duti Eksais yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil. ST. 98 tahun 2008 disahkan.

15. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

“ Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960, mengambil ketetapan bersetuju supaya Malaysia membuat sumbangan kepada Program Penambahan Semula Dana Persatuan Pembangunan Antarabangsa ke Lima Belas sebanyak RM7,327,324. “

16. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

“ Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 5, Akta Tabung Antarabangsa Bagi Pembangunan Pertanian 1992, mengambil ketetapan bersetuju supaya Malaysia membuat sumbangan kepada Program Penambahan Semula Tabung Antarabangsa Bagi Pembangunan Pertanian (IFAD) Kelapan berjumlah USD50,000 (RM182,000) “

17. PR-1213-U14748

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, sejak akhir-akhir ini, seluruh dunia dan tidak ketinggalan negara Malaysia, menghadapi masalah pencemaran alam sekitar yang amat serius. Dan mengambil maklum bahawa selain menyebabkan pencemaran alam sekitar, plastik telah menyumbang kepada kejadian banjir, takungan air yang menjadi tempat pembiakan nyamuk dan lain-lain lagi masalah yang boleh memudaratkan kesihatan dan keselamatan manusia sejagat. Dan mengambil maklum bahawa, dengan kemajuan teknologi yang terdapat pada ketika ini, terdapat banyak jenis plastik mesra alam atau bio-plastics yang boleh kita gunakan dengan selamat berbanding dengan plastik hasil petroleum. Dan mengambil maklum bahawa kita diberkati dengan bahan-bahan semula jadi bagi menghasilkan plastik mesra alam seperti polylactide acid (PLA) plastic, poly-3-Hydroxybutyrate (PHB) Polyamide 11 (PA 11) dan Bio-Derived Polyethylene. Maka dengan ini, dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda satu akta yang mengharamkan penggunaan plastik hasil keluaran petroleum , dan menggantikan penggunaan plastik tersebut dengan plastik mesra alam."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

18. PR-1213-U14754

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa fenomena global warming menjadi sangat serius dan Malaysia tidak terkecuali daripada fenomena ini. Dan mengambil maklum bahawa, fenomena ini telah menjadi keraguan bagi seluruh dunia. Dan mengambil maklum bahawa mengikut kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat pada tahun 2002, pelepasan Carbon Dioxide hasil daripada penjanaan kuasa elektrik menyumbang 40% daripada pelepasan Carbon Dioxide yang secara terus menyebabkan kerosakan ozon yang secara langsung pula menyebabkan kepanasan dunia. Dan mengambil maklum juga bahawa hari ini, pembakaran Fossil Fuel dan arang batu sebagai bahan bakar bagi penjanaan kuasa elektrik terbukti memudaratkan kehidupan manusia. Dan mengambil maklum bahawa terdapat banyak teknologi baru bagi menghasilkan tenaga elektrik seperti Pelamis Wave Energy Converter-Ocean Sources , Biomass Fuel, Geothermal Energy, Hydroelectric, Solar Energy, Wind Energy dan Fuel Cell. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan sumber tenaga alternatif seperti yang disebutkan tadi, terutama sekali di kawasan yang tidak mendapat bekalan elektrik, misalnya di pulau-pulau di perairan negeri Sabah."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

19. PR-1213-U14757
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa penstrukturan semula subsidi minyak telah membawa impak kepada mutu hidup rakyat. Dan mengambil maklum bahawa kesan penstrukturan ini juga telah menyebabkan Kerajaan menanggung kos subsidi yang lain bagi menstabilkan kesejahteraan hidup rakyat. Dan mengambil maklum bahawa penggunaan petrol sebagai bahan bakar (bagi kenderaan) telah meningkat dengan mendadak sekali. Dan mengambil maklum juga dengan rizab gas asli yang hampir mencapai 100 trilion kaki padu, penggunaan gas asli dalam Natural Gas Vehicle (NGV) haruslah dikembangkan di seluruh negara termasuklah di negeri Sabah dan Sarawak. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menjadikan projek NGV ini sebagai projek nasional, yang mana ianya bukan sahaja dapat menjimatkan wang Kerajaan dari segi subsidi minyak tetapi juga dapat mengurangkan kesan pemanasan dunia."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

20. PR-1213-U15554
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan kedudukan undang-undang dan kesesuaian Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 untuk mewujudkan KL sebagai Bandar Raya Bertaman Tropika dan Bertaraf Dunia. Dewan juga hendak membahaskan pelbagai aspek termasuk penggunaan tanah dan kepadatan kependudukan KL."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

21. PR-1213-U15555
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan setakat mana wujudnya kerjasama dari semua pihak dengan Institut Integriti Malaysia untuk meningkatkan integriti dan masalah dan menghapuskan rasuah di negara ini."

(Perdana Menteri)

22. PR-1213-U16405
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para Ahli Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

(Menteri Penerangan)

23. PR-1213-U16408

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan Tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

24. PR-1213-U16411

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

(Perdana Menteri)

25. PR-1213-U16414

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya Diraja Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Menteri Dalam Negeri)

26. PR-1213-U14923

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya mengikut seksyen 4, Akta 144 Akta Pembangunan Petroleum 1974 agar Kerajaan negeri yang mengeluarkan minyak mentah dinaikkan royalti daripada 5% setelah dipersetujui oleh kedua-dua pihak kepada kadar 20%."

(Perdana Menteri)

27. PR-1213-U14926

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan untuk membincang supaya Kerajaan merancang serta menyusun semula kerjasama dengan semua negara-negara yang ada kaitan dengan pembangunan BIMP-EAGA agar negara-negara jiran ini dapat sama-sama membangun serentak untuk mengimbangkan pembangunan dengan negara yang kurang membangun. Penghijrahan pekerja daripada negara jiran sudah tentu dapat dibendung khususnya Pendatang Tanpa Izin (PTI) di Sabah dapat dikurangkan."

(Perdana Menteri)

28. PR-1213-U14928

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincang dengan seriusnya agar perusahaan penanaman padi dapat digembleng dan dipertingkatkan. Kawasan-kawasan sesuai yang terbiar seharusnya diusahakan demi untuk menampung keperluan makanan utama kita. Kerajaan seharusnya mempertimbangkan bantuan kewangan serta nasihat teknikal dalam perusahaan yang murni ini."

(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)

29. PR-1213-U16495

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meluluskan ketetapan bahawa kerajaan persekutuan hendaklah memulihkan semula pilihan raya kerajaan tempatan di semua majlis / dewan bandar raya dan majlis perbandaran seluruh negara dengan mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi maksud tersebut supaya perwakilan rakyat di dalam Kerajaan Tempatan dikembalikan semula selaras dengan amalan demokrasi berparlimen di Malaysia dan tuntutan rakyat sebagaimana yang dijelmakan dalam keputusan Pilihan Raya Umum 2008 yang mencerminkan kehendak dan hasrat rakyat."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

30. PR-1213-U16496

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan membina sebuah Muzium memperingati kapitan Yap Ah Loy bagi mengenang jasa mendiang sebagai pembuka dan bapa pembangunan awal Kuala Lumpur untuk tatapan masyarakat Malaysia dan antarabangsa."

(Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

31. PR-1213-U16497

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membantah tindakan Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah membentuk JKKKP di kampung-kampung dalam negeri-negeri yang diperintah oleh kerajaan campuran Pakatan Rakyat kerana ia bertindan dengan JKKK sedia ada yang ditadbir oleh pejabat daerah di negeri-negeri tersebut menyebabkan rakyat berpecah-belah, berpuak-puak dan didiskriminasikan, sebaliknya merestui JKKK sedia ada dengan menyalurkan peruntukan secara sama rata dan adil."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

32. PR-1213-U16498

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini bersetuju untuk mendesak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang dalam proses Draf Pelan Tempatan 2020 menetapkan dasar tegas untuk tidak mengambil tindakan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 ke atas tanah-tanah milik persendirian di Kuala Lumpur bagi melaksanakan cadangan pelan yang bertentangan dengan kepentingan dan kehendak rakyat."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

33. PR-1213-U14755

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini hendaklah membahaskan perubahan dasar iaitu Sistem Pendidikan kini yang amat dipinggirkan dan tanda-tanda yang amat mudah dilihat ialah rendahnya anggaran peruntukan pendidikan yang disediakan untuk kaum bukan bumiputera. Pada masa yang akan datang, pengamalan yang negatif ini akan melumpuhkan kegiatan pengembangan dalam bidang pendidikan dan akibatnya akan mengalami stagnasi yang luar biasa untuk satu kaum."

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan bagi menggalakkan dan memberikan peluang untuk reformasi bidang pendidikan di negara agar setiap generasi dan kaum dapat dibentuk sesuai dengan tuntutan zamannya dan bagi perubahan tersebut, kadar nisbah harus dimansuhkan dan pinjaman pendidikan harus dibuka kepada kesemua rakyat Malaysia yang layak untuk mendapatnya."

(Menteri Pelajaran)

34. PR-1213-U14756
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa dengan ini Dewan hendaklah mengambil satu ketetapan untuk meminta Kerajaan Malaysia untuk membina 100 buah Sekolah Cina dan 50 buah Sekolah Tamil yang baru tanpa apa-apa keraguan perbezaannya dalam jangka masa yang singkat."

(Menteri Pelajaran)

35. PR-1213-U15524
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya ditubuhkan majlis yang dinamakan Majlis Tindakan Perancangan Tenaga Negara (MTPTN) yang, antara lain akan membincangkan langkah-langkah proaktif Kerajaan untuk menghadapi kemungkinan berlakunya krisis harga bahan api fosil dunia yang sering kali di manipulasi oleh pasaran minyak mentah antarabangsa. Majlis ini akan berperanan mengikut terma-terma berikut berperanan mengenal pasti dan seterusnya melantik pakar-pakar dalam bidang-bidang berkaitan dari pihak Kerajaan, swasta, badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) dan parti-parti politik menganggotai MTPTN, MTPTN berperanan mengemukakan Pelan Induk (Master Plan) untuk membolehkan Kerajaan membuat perancangan jangka pendek dan jangka panjang di dalam menghadapi apa jua kemungkinan yang melibatkan krisis harga minyak di pasaran dunia dan mengkaji dengan penuh tanggungjawab bagaimana penstrukturan subsidi minyak boleh diagihkan dengan lebih adil dan kompeten kepada golongan sasaran di negara ini."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

36. PR-1213-U15526
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa Tertinggi peringkat kebangsaan bagi membolehkan Kerajaan melihat dan mengkaji semula peranan dan masa depan Sekolah-sekolah Agama Rakyat (SAR) yang semakin lumpuh akibat daripada sikap Kerajaan sendiri yang menghentikan pemberian bantuan per kapita pada tahun 2002."

(Perdana Menteri)

37. PR-1213-U15527
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya dikaji prestasi dan kompetensi Ketua Polis Negara dan Peguam Negara yang semakin dipersoalkan kredibiliti mereka oleh rakyat pada masa ini. Oleh itu, satu Tribunal Khas hendaklah ditubuhkan segera bagi mengembalikan integriti pasukan polis dan Jabatan Peguam Negara dan seterusnya memulihkan kepercayaan rakyat terhadap sistem penguatkuasaan dan pendakwaan di negara ini."

(Perdana Menteri)

38. PR-1213-U15528
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya satu kajian secara holistik hendaklah dijalankan terhadap kepekaan Kerajaan terhadap peranan golongan kurang upaya (OKU) di negara ini. Masih lagi terdapat banyak ruang yang memerlukan tindakan lebih serius Kerajaan untuk membela nasib dan masa depan golongan OKU ini. Ketidakpedulian pihak-pihak tertentu khususnya pihak swasta dan Kerajaan sendiri telah mengakibatkan golongan OKU tercicir terutama untuk mendapatkan hak mereka seperti peluang pekerjaan, kemudahan asas dan rawatan kesihatan."

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

39. PR-1213-U15530
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya semua tanah rizab Melayu yang ditukar status untuk projek-projek Kerajaan Persekutuan dan negeri hendaklah disegerakan pengantiannya dengan kawasan lain yang mempunyai nilai harga yang sama."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

40. PR-1213-U15531
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya disegerakan semua usaha untuk memperbaiki serta meningkatkan pentadbiran, kebajikan dan pembangunan Orang Asli."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

41. PR-1213-U14893
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk memainkan peranan yang lebih positif dalam proses mencari perdamaian di Selatan Thailand, Selatan Filipina dan Utara Sri Lanka. Pengalaman Malaysia dalam mentadbir dan mengurus kepelbagaian etnik dan agama boleh digunakan untuk mengagihkan pengetahuan yang berguna kepada negara-negara ini."

(Menteri Luar Negeri)

42. PR-1213-U14894
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari iaitu kakitangan akademik di Institut-institut Pengajian Awam Negara adalah didominasi oleh satu golongan etnik. Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk memastikan bahawa lebih ramai calon daripada golongan bukan bumiputera dilantik sebagai kakitangan akademik pada masa depan agar mencerminkan komposisi multi-etnik negara."

(Menteri Pengajian Tinggi)

43. PR-1213-U14896
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia supaya mengambil langkah-langkah efektif untuk membina lebih banyak sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil demi menjaga kepentingan serta memenuhi keperluan masyarakat Cina dan India di negara ini."

(Menteri Pelajaran)

44. PR-1213-U15687
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti di bahas di Parlimen dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara bagi mempertingkatkan integriti dan keberkesanan jangka panjang pembelian sistem pertahanan. "

(Menteri Pertahanan)

45. PR-1213-U15416
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan tuntutan Singapura untuk meluaskan zon ekonomi eksklusif dari Batu Puteh dan langkah-langkah yang patut diambil oleh Kerajaan untuk menentang tuntutan ini."

(Menteri Luar Negeri)

46. PR-1213-U14683
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan bagi memperkukuhkan sistem pengangkutan awam yang cekap, tepat, pantas dan murah serta mempunyai satu sistem yang berintegrasi antara satu sama lain. Jaringan pengangkutan tersebut harus diperluas ke seluruh pelosok negara tidak terhad hanya kepada bandar-bandar utama sahaja."

(Menteri Pengangkutan)

47. PR-1213-U14684

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan bagi mengurangkan kursus, seminar dan kegiatan pelancongan ke luar negara sebaliknya menggantikan lokasi tersebut ke dalam negara. Ini bagi menjimatkan kos perbelanjaan Kerajaan seterusnya merancakkan industri pelancongan dalam negara yang terjejas teruk akibat kenaikan harga petrol dan barangan keperluan. Ia juga dapat membantu pengusaha-pengusaha yang bergantung pendapatannya dengan kegiatan pelancongan seperti perhotelan, rekreasi dan seumpamanya."

(Menteri Pelancongan)

48. PR-1213-U15521

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa- Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap hukuman mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana bersetuju bahawa negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut. "

(Menteri Luar Negeri)

49. **Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada YB. Ahli bagi Kawasan Subang untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat 2008."

(Menteri Dalam Negeri)

50. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengkritik Kerajaan Barisan Nasional menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menahan pemberita Sin Chew Jit Poh Cik Tan Hoon Cheng, penulis blog Raja Petra Kamaruddin dan Ahli Parlimen Seputeh YB Teresa Kok dalam bulan September tahun ini. Dewan ini juga memegang pendirian bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri merupakan akta yang tidak adil dan bercanggah dengan keadilan sejati (natural justice) dan hak asasi manusia, dan mengambil pendirian bahawa akta ini dimansuhkan."

(Menteri Dalam Negeri)

51. **Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]** akan mencadangkan :-

'Bahawa Dewan ini membincangkan kelakuan Tan Sri Zaki Tun Azmi, Ketua Hakim Negara Malaysia, dalam menyatakan tanpa sebarang syarat di Kuching pada 7hb November, 2008 apabila beliau merupakan seorang pengamal undang-undang pada tahun 1987, antara lain yang berikut:

"It took me six months to be nice, to bribe each and every individual to get back into their good books before our files were attended to.

That was my personal experience and I am telling this to all clerks and all the registries to stop this nonsense."

dan kemudian menjelaskan [pada 8hb November, 2008, berkenaan laporan dalam akhbar NST bertarikh 8hb November, 2008 yang menerbitkan kata-kata di atas] seperti berikut:

"I refer to your report on page 4 of the NST headlined, "Stop it now, corrupt court staff warned. "

Your reporter must have interpreted what I said, which is that during that period there was corruption in order to get things done at the court registry, as myself having done it."

Yang mana adalah merupakan satu pembohongan yang mengakibatkan keseluruhan badan kehakiman yang diketuai oleh beliau mendapat nama buruk di khalayak umum.

Dan Dewan ini menyeru Perdana Menteri untuk mengguna pakai peruntukan Perkara 125(3), Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan merujuk Tan Sri Zaki Tun Azmi kepada satu tribunal yang ditubuhkan oleh Yang Di-Pertuan Agong berdasarkan fasal 4 untuk melucut Tan Sri Zaki Tun Azmi daripada jawatan beliau sebagai Ketua Hakim Negara atas alasan salah laku di mana beliau telah membohong

secara umum. Dan bahawa Tan Sri Zaki Tun Azmi adalah digantung kerja sebagai Ketua Hakim Negara sementara menunggu suatu laporan daripada tribunal tersebut di bawah klausa 3.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut mengusulkan :-

- 1) YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang)
- 2) YB Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan (Padang Serai)
- 3) YB Dato' Dr. Zainal Abidin Ahmad (Hulu Selangor)
- 4) YB Puan Teo Nie Ching (Serdang)
- 5) YB Dato' Zahrain bin Mohammad Hashim (Bayan Baru)
- 6) YB Tuan Manikavasagam a/l Sundaram (Kapar)
- 7) YB Tuan Johari Abdul (Sg. Petani)
- 8) YB. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
- 9) YB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Gombak)
- 10) YB Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
- 11) YB Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- 12) YB Tuan Haji Mahfuz Bin Haji Omar (Pokok Sena)
- 13) YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang (Marang)
- 14) YB Tuan Haji Nasharudin Bin Mat Isa (Bachok)
- 15) YB Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa)
- 16) YB Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub (Kubang Kerian)
- 17) YB Dr. Dzulkefly Bin Ahmad (Kuala Selangor)
- 18) YB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim (Permatang Pauh)
- 19) YB Tan Sri Dato' Khalid Bin Ibrahim, (Bandar Tun Razak)
- 20) YB Tuan Haji Taib Azamudden Bin Md. Taib (Baling)
- 21) YB Tuan Mohd. Firdaus Bin Jaafar (Jerai)
- 22) YB Tuan Mohd Nasir Bin Zakaria (Padang Terap)
- 23) YB Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
- 24) YB Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)

- 25) YB Dato' Haji Wan Abd. Rahim Bin Wan Abdullah (Kota Bharu)
- 26) YB Tuan Chua Tian Chang (Batu)
- 27) YB Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Kota Raja)
- 28) YB Dr. Ramasamy a/l Palanisamy (Batu Kawan)
- 29) YB Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- 30) YB Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- 31) YB Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
- 32) YB Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- 33) YB Tuan Saifuddin Nasution Bin Ismail (Machang)
- 34) YB Puan Hajah Fuziah Binti Salleh (Kuantan)
- 35) YB Datuk Eric Enchin Majimbun (Sepanggar)
- 36) YB Tuan Khalid Bin Abd. Samad (Shah Alam)
- 37) YB Dr. Mohd. Hatta Bin Md. Ramli (Kuala Krai)
- 38) YB Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
- 39) YB Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
- 40) YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- 41) YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin (Ampang)
- 42) YB Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa (Parit Buntar)
- 43) YB Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)
- 44) YB Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah (Subang)
- 45) YB Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
- 46) YB Tuan Haji Ab. Aziz Bin Ab. Kadir (Ketereh)
- 47) YB Tuan Amran Bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
- 48) YB Tuan Mohsin Fadzli Bin Haji Samsuri (Bagan Serai)
- 49) YB Tuan Mohd. Yusmadi Bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
- 50) YB Dato' Rashid Bin Din (Merbok)

- 51) YB Tuan Haji Ahmad Bin Kasim (Kuala Kedah)
- 52) YB Dr. Haji Mohd. Hayati Bin Othman (Pendang)
- 53) YB Tuan Azan Bin Ismail (Indera Mahkota)
- 54) YB Puan Nurul Izzah Binti Anwar (Lembah Pantai)
- 55) YB Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
- 56) YB Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)

(Perdana Menteri)

52. **Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Pengerusi sewajarnya membuat satu keputusan untuk mengambil tindakan tegas terhadap kenyataan yang kurang sopan yang dikeluarkan oleh YB Pasir Salak pada 26.11.2008 (rujukan Penyata Rasmi bertarikh 26.11.2008 di muka surat 114).

Pada 2.12.2008, Pengerusi telah memutuskan bahawa, **satu**, peraturan mesyuarat tidak dibangkitkan pada ketika kejadian berlaku. Ahli-ahli Dewan yang berada di dalam Dewan pada ketika kejadian berlaku tidak menegur YB Pasir Salak, oleh itu, Pengerusi berpendapat bahawa ia bererti ia bukan satu kenyataan yang perlu ditegur. **Dua**, oleh itu, ia bererti juga ahli-ahli di Dewan pada ketika itu turut telah silap. **Tiga**, YB Pasir Salak telah membuat satu kenyataan meminta maaf semasa perbahasannya pada 1.12.2008 berkenaan insiden yang berlaku minggu yang lalu.

Berdasarkan ketiga-tiga sebab di atas, Pengerusi memutuskan agar Dewan melupakan perkara ini dan menerimanya sebagai satu pengajaran.

Pada pandangan saya, Pengerusi telah silap di dalam membuat keputusan tersebut berdasarkan sebab-sebab yang diberi. **Satu**, Peraturan Mesyuarat 26 (h) yang memperuntukkan bahawa usul untuk menggantung kerja seorang sebagai ahli tidak menyatakan keperluan ia dibangkitkan pada masa kejadian jika dibandingkan dengan Peraturan Mesyuarat 26 (p) yang memperuntukkan usul berkenaan hak dan kebebasan, (perlu dibangkitkan semasa kejadian itu berlaku).

Dua, Peraturan Mesyuarat 36 (4) turut memperuntukkan bahawa ia adalah satu kesalahan untuk menggunakan bahasa kurang sopan. Ia juga tidak disyaratkan keperluan perkara itu ditegur/dibangkitkan semasa kejadian berlaku.

Pohon maaf oleh YB Pasir Salak telah dirakamkan oleh Dewan Yang Mulia ini tetapi ia adalah tidak memadai jika Pengerusi tidak mengambil satu keputusan berkenaan penggunaan bahasa kurang sopan tersebut dengan mengambil tindakan tegas bagi menunjukkan bahawa Dewan ini memandang serius dan membantah penggunaan bahasa sedemikian di dalam Dewan Yang Mulia ini.”

Oleh itu, saya merayu agar Pengerusi mempertimbangkan dan mengulang kaji semula keputusan Pengerusi agar ia tidak meninggalkan satu “precedent” silap berkenaan taksiran Peraturan Mesyuarat.